

SOALAN NO. : 403

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

TARIKH : 9 MAC – 9 APRIL 2015

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah Kementerian akan menggalakkan kerja-kerja pelombong bijih besi, emas dan lain-lain sumber mineral negara untuk menampung kejatuhan harga minyak dunia. Ini dapat membantu keadaan defisit yang ditanggung Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa menggalakkan pembangunan sumber mineral secara mampan selaras dengan Dasar Mineral Negara 2 yang menekankan pembangunan mampan, penerajuan alam sekitar, kemakmuran ekonomi dan kemajuan sosial.

Sektor mineral telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam pembangunan ekonomi negara. Kecemerlangan dalam sektor mineral ini perlu diteruskan melalui pengurusan sumber mineral yang efektif dan mampan.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), telah dan sedang menjalankan aktiviti eksplorasi mineral bagi mengenal pasti kewujudan mineral-mineral tersebut di dalam setiap Rancangan Malaysia (RMK). JMG juga menyediakan maklumat asas seperti peta taburan mineral dan laporan-laporan eksplorasi rantau. Selain itu, JMG turut menawarkan khidmat nasihat kepada pengusaha dalam bidang pemprosesan mineral.

Sekian, terima kasih.